

16/01/2001

Usahawan kecil perlu nilai punca gagal: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Usahawan kecil Melayu dan Bumiputera perlu menilai punca sebenar kegagalan mereka dalam perniagaan dan bukan menyalahkan orang lain termasuk kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penilaian dan mengenal pasti kelemahan untuk diatasi perlu bagi membolehkan mereka mencapai kejayaan dalam perniagaan serta bidang-bidang lain pada masa depan.

Katanya, kebanyakan usahawan atau peniaga Bumiputera sering menyalahkan pihak lain termasuk kerajaan apabila gagal dalam perniagaan atau tidak dapat bersaing dengan peniaga bangsa lain.

"Kerajaan mewujudkan pelbagai dana dan agensi bagi membantu peniaga Bumiputera tetapi kejayaan mereka masih tidak memuaskan. Tidak adakah kesilapan pada kita sendiri terhadap kegagalan yang kita alami?"

"Ada baiknya kita tanya diri sendiri kerana kalau kita tidak tanya, kita tidak tahu," katanya ketika pada pertemuan dengan peniaga kecil Bumiputera di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau turut mengimbas kembali pengalamannya menjadi peniaga kecil di Pekan Rabu, Alor Star. Dr Mahathir turut meluangkan masa hampir sejam berdialog dengan 1,000 peserta pada majlis anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan.

Perdana Menteri berkata, kegagalan orang Melayu dalam perniagaan termasuk pencapaian rendah dalam bidang pelajaran hanya dapat diatasi apabila mereka memeriksa diri sendiri.

Dr Mahathir berkata, peniaga Melayu juga mesti berupaya menguruskan perniagaan dengan cekap, khususnya aspek kewangan.

"Tabiat mencatat duit masuk dan duit keluar mesti ada. Tiap kali terima duit mesti tulis, tiap kali membayar pun mesti tulis, dengan itu barulah kita tahu rekod kewangan.

"Sebenarnya, berniaga ini bukan susah sangat. Tetapi yang susah ialah hendak menjadikannya lurus," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mendapati peniaga Melayu tidak berminat menjalankan perniagaan runcit walaupun ia boleh berkembang menjadi perniagaan besar seperti dibuktikan rangkaian pasar raya Carrefour, Makro dan Giant.

"Orang Melayu kebanyakannya berminat mendapatkan projek seperti yang dibuat melalui pemberian tender kontrak," katanya.

Beliau berkata, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan berusaha menambah bilangan peniaga Melayu dalam perniagaan runcit dan bidang lain seperti francais, kedai dobi dan restoran.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga sedang mengenal pasti lebih banyak perniagaan dalam bidang pembuatan bagi membolehkan peniaga Melayu membekalkan barangan elektrik dan komponen kepada pengilang.

Katanya, kerajaan mengenal pasti 150 perniagaan dan daripadanya, 36 jenis barangan dalam bidang pembuatan diharap dapat diceburi oleh peniaga kecil.

Perdana Menteri turut menyentuh kegagalan pelajar Melayu mencatatkan keputusan cemerlang di institusi pengajian tinggi.

Katanya, walaupun kerajaan menetapkan kuota 60 peratus pelajar Melayu di universiti, tetapi jika berdasarkan kelulusan, hanya 20 peratus saja yang layak memasuki universiti.

Beliau berkata ada pihak menyatakan sistem pendidikan perlu diperbetulkan tetapi persoalannya ialah kenapa pelajar Cina dan India yang

menggunakan sistem yang sama, mampu lulus dengan baik.

"Sebenarnya, anak-anak Melayu tidak mahu belajar bersungguh-sungguh tetapi lebih banyak bermain.

"Hari ini, kita dapat 60 peratus pelajar Melayu masuk universiti tetapi hanya 40 peratus saja yang lulus dan tidak ada yang mendapat kelas pertama, itu salah orangkah?" katanya.

(END)